

→ GEMPA BUMI DI ACEH



Seorang lelaki meninjau kesan runtuhan di sekitar hospital di Pidie Jaya, Aceh.



Untuk video layari
www.bharian.com.my

BH
 8/12/2016
 m/s 4-5



Pesakit ditempatkan di kawasan lapang selepas berlaku gegaran, semalam.

'Lebih kuat daripada gempa tsunami'

➔ Penduduk panik, khawatir tragedi 2004 berulang

► Meureudu

"Saya amat takut jika tsunami kembali menyerang," kata Musman Aziz, seorang penduduk di Meureudu.

Malah, katanya, gegaran akibat gempa kali ini lebih kuat berbanding bencana sama yang melanda Aceh, kira-kira 12 tahun lalu.

"Saya merasai gegaran amat kuat berbanding gempa 2004," katanya merujuk bencana alam dahsyat yang mengorbankan lebih 100,00 di

Aceh apabila wilayah berkenaan digegarkan gempa bumi kuat pada 26 Disember 2004 yang turut mencecutkan tsunami besar.

Penduduk tepi laut di Pidie Jaya, Fitri Abidin berkata, dia melarikan diri bersama suami dan anak-anaknya ke arah bukit berhampiran selepas gempa menyebabkan keluarganya terjaga pada awal pagi.

Berlindung di atas bukit

"Kami berada di sana (atas bukit) selama beberapa jam sehingga pihak berkuasa memberi jaminan tiada risiko berlaku tsunami. Ia menakutkan sehingga saya sukar bernafas atau berjalan," kata Fitri yang dipapah suaminya keluar rumah.

Rumah keluarga itu terselamat, namun tiga rakan mereka hilang dan dikhuatiri tertimbus dalam runtuhan bangunan. Di daerah bersebelahan Pidie Jaya di Bireuen,

seorang guru maut di bangunan sekolah agama selepas ditimpa runtuhan.

Penduduk di bandar berhampiran Lhokseumawe juga lari ketakutan ketika gempa dan ramai mencari tempat tinggi. Bagi penduduk Aceh, gempa itu adalah peringatan mengerikan berikutan rantau didiami mereka terdedah kepada bencana alam dahsyat.

Gempa bumi bawah laut pada magnitud 6.5 yang menggegarkan wilayah Aceh awal pagi semalam, meragut hampir 100 nyawa dan mencederakan 500 orang ketika usaha menyelamatkan segera dilancarkan bagi mencari mangsa lain yang mungkin terperangkap di bawah runtuhan bangunan.

Ketua Tentera Wilayah Aceh, Mejar Jeneral Tatang Sulaiman, berkata pihaknya berharap dapat menyelesaikan misi menggali runtuhan sebe-

Malaysia sedia hantar bantuan

Kuala Lumpur: Malaysia sedia menghulurkan bantuan kepada Indonesia susulan gempa bumi yang melanda wilayah Aceh di utara Sumatera, awal pagi semalam.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, berkata Malaysia turut berkongsi rasa sedih dengan ne-

gara jiran itu susulan bencana yang melanda.

"Takziah kepada keluarga mangsa tragedi gempa bumi Aceh. Malaysia berkongsi perasaan sedih Indonesia dan sedia hului sebarang bantuan yang perlu," katanya menerusi laman Facebook beliau, semalam.

lum matahari terbenam, menerusi kerjasama ribuan penduduk kampung, anggota tentera dan polis yang bertumpu di sini, bandar paling teruk terjejas di daerah Pidie Jaya.

Jentolak cuba mengeluarkan runtuhan daripada deretan rumah kedai dan bangunan di mana mangsa dipercayai tertimbus hidup-hidup.

Rakaman televisyen menunjukkan penyelamat berpakaian seragam jingga menggunakan lampu suluh di dalam bangunan untuk mencari mangsa masih hidup.

Rakaman turut memaparkan kaitangan penyelamat memindahkan mayat menggunakan beg hitam jauh dari kawasan runtuhan.



→ GEMPA BUMI DI ACEH

Penyelamat berusaha mencari dan mengeluarkan mangsa yang terperangkap dalam runtuhan di Pidie, Aceh.



Kronologi

Kronologi gempa bumi di Aceh

26 Disember 2004 → Pusat gempa 160km barat daya Banda Aceh.

- Magnitud 9.1, kedalaman 30km bawah paras laut.
- Tsunami selaju 800km sejam, ombak cecah 10 meter tinggi.
- 230,000 mangsa di 12 negara maut, termasuk 131,338 warga Aceh.

7 April 2010 → Pusat gempa 75km tenggara Sinabang, jam 5.15 pagi.

- Magnitud 7.7, kedalaman 34km bawah paras laut.
- 22 cedera, lebih 200 bangunan termasuk masjid rosak.

6 September 2011 → Pusat gempa 59km timur laut Singkil Baru, jam 1 pagi.

- Magnitud 6.7, kedalaman 78km bawah paras laut.

11 Januari 2012 → Pusat gempa 420km barat daya Banda Aceh, jam 2.37 pagi.

- Magnitud 7.3, kedalaman 29km bawah paras laut.

22 Januari 2013 → Magnitud 6.0, jam 5.22 pagi.

- Pada kedalaman 16.1km bawah paras laut, gegaran 4.7 minit.

2 Julai 2013 → Magnitud 6.1, jam 3.37 petang.



Sebuah masjid di Pidie Jaya, Aceh musnah akibat gegaran kuat.



- 35 maut, 275 cedera, 6,500 hilang tempat tinggal.

Pasukan penyelamat mengeluarkan mayat mangsa yang tersepit dalam runtuhannya di Pidie.

245 bangunan rosak

Agensi Pencegahan Bencana Nasional berkata, kira-kira 245 bangunan rosak teruk atau musnah kebanyakannya di Pidie Jaya termasuk 14 masjid dan bakinya rumah kedai, manakala jalan raya merekah dan tiang elektrik tumbang.

Ketua Daerah Pidie Jaya, Aiyub Abbas berkata, ada keperluan mendesak untuk peralatan penggalian bagi memindahkan runtuhannya berat dan bekalan kecemasan di kawasan berkenaan yang terletak 18 kilometer barat daya pusat gempa.

Di **Jakarta**, Presiden Joko Widodo mengarahkan semua agensi kerajaan menyertai usaha menyelamatkan Palang Merah Indonesia pula menggerakkan pasukan tindak balas kecemasan dan mengiklankan akaun bank untuk sumbangan, manakala Pertubuhan Migrasi Antarabangsa (IOM) menghantar pasukan penilai ke Aceh.

Tinjauan Geologi Amerika Syarikat (USGS) mendapati gempa cetek pada magnitud 6.5 berlaku jam 5.03 pagi (2203 GMT Selasa) berpusat kira-kira 19 kilometer di tenggara Sigli, bandar di utara Aceh, pada kedalaman 17 kilometer bawah paras laut, namun tidak mencetuskan tsunami.



Kesan retakan jelas kelihatan di sebuah jalan di Pidie, Aceh.



Penduduk mencari barangan yang masih elok di lokasi gempa.

428 pelajar Malaysia di Aceh selamat

Kuala Lumpur: Seramai 428 pelajar Malaysia di Aceh dilaporkan selamat susulan gempa bumi kuat pada magnitud 6.4 di utara Sumatera, Indonesia, awal pagi semalam.

Konsul Jeneral Malaysia di Medan, Datuk Amizal Fadzli Rajali ketika dihubungi *BH* semalam, berkata kebanyakan pelajar terbabit menuntut di Universiti Islam Negeri Ar-Raniry, kira-kira 170 kilometer (km) dari pusat gempa di Pidie Jaya, Aceh.

Bantu Mercy Malaysia laksana SAR

“Tiga pelajar kita yang berada di kawasan kejadian juga dilaporkan selamat. Buat masa ini, kita sedang menyelaras dan membantu Mercy Malaysia melaksanakan usaha mencari dan menyelamatkan (SAR) di Pidie Jaya.

“Mercy Malaysia akan bergerak dari Medan kira-kira 470km dari tem-

pat kejadian dan dijangka tiba lewat petang ini (semalam),” katanya sambil menasihatkan rakyat Malaysia yang tinggal di Aceh supaya tidak berada di sekitar kawasan terjejas kerana dikhuatiri berlaku gegaran susulan.

Hubungi Konsulat Jeneral Malaysia

Dalam perkembangan berkaitan, Kementerian Luar meminta warga Malaysia di kawasan terjejas yang memerlukan bantuan agar menghubungi Konsulat Jeneral Malaysia di Medan di talian +62614531342, +62614535271 atau +62614523992 serta menerusi e-mel di *mwmedan@kln.gov.my*.

Selain itu, Wisma Putra boleh dihubungi di talian 03-88874570 atau 03-88874530 selepas waktu bekerja.